

PERANAN TEORI PSIKOLINGUISTIK DALAM PENDIDIKAN BAHASA ARAB**[THE ROLE OF PSYCHOLINGUISTIC THEORY IN ARABIC LANGUAGE EDUCATION]**RUJIAH MUHIN^{1*} & NIK MOHD RAHIMI NIK YUSOFF¹

^{1*} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia
Correspondent Email: rujiyahmuhin@gmail.com

*Received: 28 August 2021**Accepted: 6 September 2021**Published: 8 September 2021*

Abstrak: Psikolinguistik adalah ilmu mengenai proses pemikiran dan tingkah laku manusia dengan menjadikan bahasa sebagai objek kajian. Perkembangan ilmu psikolinguistik menumpukan kepada perubahan tingkah laku manusia berdasarkan cara berfikir dan bagaimana ia digunakan dalam pemerolehan bahasa. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti peranan teori psikolinguistik dan fungsinya dalam strategi pembelajaran bahasa. Selain untuk mengenal pasti teori pembelajaran yang mendasari strategi pembelajaran bahasa. Kajian ini adalah kajian berbentuk kualitatif dengan kaedah analisis dokumen. Data di analisis secara tematik dengan menyatakan peranan dan teori psikolinguistik yang mendasari strategi pembelajaran bahasa. Hasil kajian mendapati terdapat empat teori pembelajaran utama yang menjadi tunjang pembelajaran bahasa iaitu teori behaviorisme, teori kognitif, teori konstruktivisme dan teori perkembangan bahasa. Selain mewujudkan suasana kondusif di dalam bilik darjah, penggunaan teori pembelajaran yang sesuai dapat menambah pengetahuan sedia ada pelajar kepada penemuan baharu. Malah pelajar berpeluang untuk menonjolkan diri melalui interaksi sosial. Oleh itu, penggubal kurikulum dan guru hendaklah memahami teori psikolinguistik yang tertentu untuk dijadikan asas pembinaan modul pembelajaran agar dapat membantu pelajar mencapai penguasaan bahasa Arab secara optimum.

Kata kunci: Psikolinguistik, behaviourisme, kognitif, konstruktivisme, teori perkembangan bahasa.

Abstract: Psycholinguistics is the science of human thought processes and behavior by making language the object of study. The development of psycholinguistics focuses on the change of human behavior based on the way of thinking and how it is used in language acquisition. The purpose of this study was to identify the role of psycholinguistic theory and its function in language learning strategies. In addition to identifying the learning theories that underlie language learning strategies. This study is a qualitative study with document analysis method. Data are analyzed thematically by stating the role and psycholinguistic theories that underlie language learning strategies. The results of this study found four main learning theories that are the backbone of language learning, namely behaviorism theory, cognitive theory, constructivism theory and language development theory. In addition to creating a conducive atmosphere in the classroom, the use of appropriate learning theories can add to students' existing knowledge to new discoveries. Even students have the opportunity to stand out through social interaction. Therefore, curriculum developers and teachers must understand certain psycholinguistic theories to be the basis for the construction of learning modules in order to help students achieve optimal command of Arabic.

Keywords: Psycholinguistics, behaviorism, cognitive, constructivism, language development theory.

Rujiah Muhiin & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. 2021. Peranan Teori Psikolinguistik Dalam Pendidikan Bahasa Arab [The Role of Psycholinguistic Theory in Arabic Language Education]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 1(3), 107-116.

PENGENALAN

Psikolinguistik adalah bidang yang pada asalnya lebih berbentuk falsafah dan lebih tertumpu kepada bidang sains sosial, perkembangan manusia dan komunikasi. Umumnya psikolinguistik adalah ilmu tentang bahasa dan menjadikan bahasa sebagai objek penyelidikan dengan mengkaji representasi dan proses pemikiran yang melibatkan penggunaan bahasa, pemahaman, penghasilan dan penyimpanan bahasa secara lisan dan tulisan dalam pemikiran seseorang (Khazriyati 2018; Warren 2014). Kajian-kajian lepas mengenai psikolinguistik lebih bersifat *anglocentric* yang tertumpu kepada cara pemikiran masyarakat Barat. Namun kini, dengan perkembangan teknologi hari ini, ilmu psikolinguistik merentas zaman dan sempadan, malah turut digunakan dalam bidang-bidang sains seperti biologi, neurosains, sains kognitif dan sains maklumat sejajar dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0.

Perkembangan ilmu Psikolinguistik bermula seawal 1860 apabila terhasilnya satu Jurnal Psikologi Budaya dan Linguistik (*Zeitschrift für Völkerpsychologie und Sprachwissenschaft*) yang ditulis oleh seorang ahli psikologi yang bernama Moritz Lazarus dan seorang ahli linguistik Heyman Steinhil (Khazriyati, 2018). Sejarah ini dikukuhkan lagi dengan pelaksanaan program Psychology of Language, Anthropology, Logic and Epistemology (Psikologi Bahasa, Antropologi, Logik dan Epistemologi) yang dilakukan oleh ahli psikologi Jerman, Wilhem Maximilian Wundt pada musim sejuk tahun 1875 bertempat di University of Leipzig, Jerman (Bringmann, 1990). Beliau merupakan Bapa Psikologi Eksperimental. Semasa program tersebut dijalankan beliau memberikan idea bahawa isu-isu berkaitan bahasa dapat dijelaskan melalui prinsip-prinsip psikologi (Dardjowidjo, 2007). Bertitik tolak daripada program tersebut penyelidikan berkaitan antara bahasa dan pemikiran berkembang di benua Eropah.

Manakala di benua Amerika, (Khazriyati 2018; Muhammad Rusydi 2013; Zulhannan 2017) perbahasan mengenai ilmu psikolinguistik telah bermula pada tahun 1951. Hal ini seperti yang dinyatakan oleh R.W. Rieber dan Harold Vetter yang menyatakan bahawa ketika seminar di Universiti Cornell yang ditaja oleh Social Science Research Council diadakan, mereka telah menjemput enam orang ahli dalam bidang ilmu psikologi dan linguistik untuk membahaskan hubungan antara dua bidang psikologi dan bahasa. Tokoh-tokoh yang menjadi pelopor dari seminar ini adalah John Carroll, James Jenkins, George Miller, dan Charles Osgood dari bidang psikologi serta Joseph Greensberg, Floyd Lounsbury, dan Thomas Sebeok dari bidang linguistik. Justeru, dengan adanya seminar tersebut ia telah membuka dimensi baru kepada penyatuan ilmu psikologi dan linguistik ke arah yang lebih formal. Bermula pada tahun 1954, istilah Psikolinguistik digunakan secara rasminya dalam buku yang bertajuk *Psycho-linguistics: A Survey of Theory and Research Problems* karangan Charles E. Osgood dan Thomas A. Sebeok (Muhammad Yusuf 2019; Zulhannan 2017).

DEFINISI PSIKOLINGUISTIK

Psikolinguistik atau psikologi bahasa merujuk kepada kajian mengenai faktor psikologi dan neurobiologi yang membolehkan manusia memperoleh, menggunakan, dan memahami bahasa. Ia berkaitan dengan proses mental yang difahami oleh otak yang menghasilkan bahasa dan merangkumi proses kognitif yang memungkinkan untuk menghasilkan tatabahasa dan ayat yang bermakna. Bermula dengan struktur kosa kata dan tatabahasa, sebagai satu proses yang memungkinkan ucapan, perkataan, teks dan lain-lain agar mudah difahami (Coltheart, 2001), Setiap individu adalah berbeza dengan individu yang lain (Akhirudin, 2019) maka cara berfikir dan bertindak balas juga turut berbeza.

Psikolinguistik adalah merupakan gabungan antara perkataan psikologi dan linguistik. Psikologi bermaksud ilmu untuk mempelajari tingkah laku dan cara manusia berfikir. Manakala linguistik bermaksud ilmu tentang bahasa yang memfokuskan bahasa sebagai objek kajian (Yusuf, 2019). Manakala Achmad Fuad Hasyim (2013) dalam Zulhannan (2017), yang menulis tentang "Terminologi Psikolinguistik" telah menyimpulkan bahawa Psiko-linguistik adalah ilmu terkait pembelajaran aneka proses mental yang dilalui oleh manusia dalam rangka berbahasa.

Aitchison (1978), menyatakan psikolinguistik boleh ditakrifkan sebagai kajian tentang bahasa dan akal budi. Ilmu ini mengkaji cara minda manusia seseorang memperoleh, memahami, menghasilkan, dan menyimpan unsur-unsur kebahasaan (Yusuf, 2019). Manakala Dardjowidodo (2014) pula berpendapat bahawa psikolinguistik adalah ilmu terkait pembelajaran berkenaan proses mental yang dilalui manusia dalam berbahasa. Berdasarkan maksud tersebut dapat disimpulkan bahawa psikolinguistik adalah ilmu mengenai bahasa dari segi struktur dan proses pemerolehannya dan bagaimana ia diterjemahkan dalam bentuk komunikasi.

Mochamad Isma'il (2013), menulis tentang "Peran Psiko-linguistik dalam Pembelajaran Bahasa Arab" menyatakan bahawa pengertian psikolinguistik dapat difahami berdasarkan struktur berbahasa manusia sama ada dari segi pemerolehan, pemahaman, dan penggunaan bahasa. Manakala linguistik adalah ilmu yang membincangkan teori, metodologi dan teknik untuk menguasai empat kemahiran asas pelajaran bahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Emmon Bach ada menyebut bahawa psikolinguistik adalah ilmu berkaitan penelitian tingkah laku pemakai bahasa dan bagaimana mereka membentuk perkataan. Kenyataan ini disokong oleh Slobin dan Chaer dengan mengemukakan pendapat bahawa psikolinguistik dapat menghuraikan proses psikologi yang sedang berlaku semasa seseorang mengucapkan perkataan yang didengarnya ketika berkomunikasi (Zulhannan, 2017).

Psikolinguistik memainkan peranan penting dalam proses interaksi sosial manusia. Menurut Akhiruddin (2012), tingkah laku yang menggunakan bahasa sebagai alat komunikasi akan dipengaruhi oleh perbezaan latar belakang penutur dan penerima. Situasi ini akan mempengaruhi pandangan dan tindak balas individu dalam berkomunikasi. Bahasa adalah medium persefahaman yang sangat penting dalam membentuk budaya dan warisan manusia. Selain pendidikan, Akhiruddin turut menyatakan bahawa hubungan proses berfikir dan bahasa penting dalam perubatan, peperangan, psikologi kecantikan, perdagangan dan kemasyarakatan.

PERANAN ILMU PSIKOLINGUISTIK

Pembelajaran bahasa asing memerlukan kaedah dan strategi pengajaran sesuai kerana pelajar yang mempelajari asing mempunyai latarbelakang dan cara penerimaan yang berbeza mengikut persekitaran dan cara mereka berfikir. Oleh itu, penggunaan teori yang sesuai akan dapat memudahkan proses pembelajaran kerana pelajar mempunyai aras pencapaian yang berbeza (Yusof, 2019).

Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB)

Pembelajaran bahasa merupakan proses kognitif yang melibatkan usaha mental secara sedar dan berlaku dalam dimensi sosial serta pembelajaran terjadi melalui interaksi (Griffiths, 2003). Manakala Rigney (1978) dan Oxford (1990) berpendapat SBP dikaitkan dengan langkah dan tingkah laku sedar yang digunakan oleh pelajar bahasa dalam mencapai, menyimpan, mengingati kembali dan menggunakan semula maklumat baharu. Justeru bidang penyelidikan bahasa asing memberi fokus kepada strategi pembelajaran dan perbezaan individu pelajar. Selari dengan teori psikolinguistik yang menjelaskan bagaimana proses pemikiran manusia dan tingkah laku dalam pemerolehan bahasa, maka teori psikolinguistik menjadi asas kepada SBP. Pengkaji pembelajaran bahasa menggunakan teori psikolinguistik sebagai kerangka teori dalam pembangunan modul yang dibina (Anuar, 2017). Modul Mukhayyam Bahasa Arab oleh Mohd Nasir (2017) misalnya menggunakan Teori Pembelajaran Konstruktivisme dan Teori Pembelajaran Kognitif.

Kajian Siti Alawiyah, Harun & Maimun (2018) yang berkaitan strategi pembelajaran bahasa Arab (SPBA) menyatakan bahawa pembelajaran bahasa adalah proses kognitif yang menghasilkan interaksi sosial semasa proses pembelajaran. Interaksi positif antara guru dan pelajar akan mempengaruhi motivasi pelajar dan mencapai penguasaan bahasa yang optimum. Dapatan kajian tersebut turut menyatakan dua teori yang mendasari strategi pembelajaran bahasa iaitu teori kognitif dan teori kognitif sosial. Terdapat tujuh strategi utama yang telah dikenal pasti berkait dengan proses pemikiran, seperti memori, kognitif, tampungan, metakognitif, afektif, sosial dan metafizik (Kamarul, 2009). Menurutny lagi, tujuh strategi yang dinyatakan melibatkan prosedur mental dan komunikatif. Justeru, seorang pendidik khususnya guru bahasa Arab hendaklah memahami ilmu psikolinguistik, kerana ia dapat membantu untuk merancang strategi pembelajaran, motivasi pelajar dan pembelajaran yang berkesan (Siti, Harun & Maimun, 2018).

TEORI ILMU PSIKOLINGUISTIK

Pengkaji linguistik bahasa Arab telah menemui beberapa teori yang mendasari ilmu psikolinguistik yang sesuai diterapkan dalam ilmu pendidikan bahasa. Terdapat empat teori utama yang menjadi asas sarjana linguistik, iaitu teori behaviorisme, teori kognitif, teori konstruktivisme dan teori perkembangan bahasa.

Teori Behaviorisme

Teori behaviourisme atau teori tingkah laku adalah teori yang mendasari perubahan tingkah laku manusia melalui ulangan dan latihan yang berterusan. Menurut ahli behaviourisme Burrhus Frederic Skinner (Khazriyati, 2018), pembelajaran bahasa adalah sama dengan pembentukan tabiat. Skinner mendefinisikan belajar sebagai proses perubahan tingkah laku yang dihasilkan oleh proses penguatan tingkah laku yang diulang. Muhammad (2020) menyatakan pembelajaran dilakukan secara berulang-ulang akan menjadi satu kebiasaan. Pemerolehan bahasa menurut teori ini melibatkan tiga kaedah iaitu, pelaziman klasik, pelaziman operan dan pembelajaran sosial. Teori behaviorisme antara teori yang dikaitkan dengan proses perkembangan bahasa. Teori Skinner banyak mempengaruhi perkembangan teori pembelajaran behaviorisme, yang menjadi asas kepada program-program pembelajaran, dan modul yang menggunakan konsep hubungan stimulus-respons serta mementingkan faktor penguat (*reinforcement*) (Mahmudi, 2016). Manakala Albert Bandura seorang lagi tokoh teori behaviorisme yang memperkenalkan *Social Learning Theory* atau teori pembelajaran sosial menyatakan proses pembelajaran berlaku dalam tingkah laku sosial melalui pemerhatian dan peniruan (*imitating*). Menurut teori ini guru menjadi model dan pelajar belajar dengan meniru. Meniru yang dimaksudkan adalah pelajar meniru perbuatan guru (model), seperti cara berkomunikasi, tingkah laku yang baik dan penggunaan bahasa yang sopan. Interaksi sosial ini berdasarkan kepada 4 prinsip berikut (Habib, 2020):

i. Pemerhatian

Belajar melalui pemerhatian memerlukan tumpuan yang sepenuhnya. Guru perlu peka dengan perkara-perkara yang boleh menarik perhatian pelajar supaya memberi tumpuan sepenuhnya semasa pembelajaran berlangsung..

ii. Mengingat

Melalui pemerhatian pelajar akan mengingati apa yang dipelajarinya.

iii. Reproduksi

Pelajar dapat melakukan semula tingkah laku yang diperhatikannya

iv. Peneguhan

Sebagai peneguhan terhadap kemahiran yang baru diperolehi, pelajar diberi insentif supaya lebih bermotivasi untuk menumpukan perhatian, mengingat dan menghasilkan semula tingkah laku.

Teori Kognitif

Teori Kognitif Piaget (1970) menyatakan bahawa pembelajaran adalah satu proses mental yang aktif dalam menguasai, memperoleh, mengingat dan mengaplikasikan ilmu pengetahuan (Mohd Nasir & Nik Mohd Rahimi, 2019). Teori ini menjelaskan bahawa proses pembelajaran berlaku apabila terdapat perubahan pada minda akan menghasilkan perubahan pada tingkah laku individu. Jean Piaget turut menyatakan bahawa bahasa adalah sebahagian daripada perkembangan kognitif dan bahasa bergantung kepada pengetahuan dan pemahaman yang diperolehi dari perkembangan kognitif (Khazriyati, 2018). Piaget dalam kajiannya menyatakan kanak-kanak terlebih dahulu mempelajari persekitarannya dan menggunakan maklumat yang diperolehi daripada pemerhatian untuk mempelajari bahasa. Piaget membahagikan perkembangan kognitif kepada empat tahap, Tahap pertama (0-2 tahun) dinamakan tahap deria motor, bayi membina pemahaman persekitaran dan mengkoordinasi pengalaman deria dengan pergerakan fizikal. Tahap kedua (2-7 tahun), dinamakan tahap pra-operasi dan pada tahap ini penggunaan bahasa kanak-kanak berkembang dan dapat berfikir dalam bentuk simbolik. Tahap ketiga (7-11 tahun), dikenali sebagai tahap operasi konkrit dan pada tahap ini kanak-kanak mampu mengkategorikan objek-objek dalam bahasa. Tahap keempat (11-15) merupakan tahap operasi formal dan pada tahap ini kanak-kanak berupaya berfikir secara saintifik dan menyelesaikan masalah abstrak. Manakala Fritscher (2008), menyatakan bahawa teori kognitif menerangkan tingkah laku manusia dengan memahami proses pemikiran. Oleh itu, teori kognitif berfokus kepada pemrosesan mental dalam proses pembelajaran dan melibatkan motivasi intrinsik. Pakar kognitif menjelaskan motivasi ini terhasil daripada keperluan manusia untuk memahami, berusaha untuk berjaya dan berani menghadapi cabaran, (Mohd Nasir & Nik Mohd Rahimi, 2019).

Teori Konstruktivisme

Ahli psikologi Rusia Lev Vygotsky, telah memperkenalkan teori pemerolehan dan pembelajaran bahasa yang dipengaruhi oleh dimensi sosial dan budaya. Teori ini dinamakan sebagai interaksi manusia dan Vygotsky menyatakan bahawa komuniti dan masyarakat memainkan peranan penting membantu kanak-kanak membentuk makna dalam bahasa yang diujarnya (Khazriyati, 2018). Proses komunikasi antara individu dan persekitarannya akan memandu tingkah laku dan pemikiran individu. Selain itu, perkembangan kognitif ini semakin bertambah seiring peningkatan usia individu. Perkembangan positif hasil daripada interaksi sosial ini akan membantu proses pembelajaran bahasa (Khazriyati, 2018). Oleh itu, kaedah pembelajaran yang sesuai digunakan adalah kaedah kolaboratif dan kaedah koperatif kerana ia dapat membantu dalam menyelesaikan masalah pembelajaran, malah dapat membantu penguasaan bahasa dalam diri pelajar dengan baik (Mohd Nasir & Nik Mohd Rahimi, 2019). Teori konstruktivisme menjadi asas kepada pembinaan modul pembelajaran bahasa yang berpusatkan pelajar dengan mengaitkan pengetahuan yang baharu dengan pengetahuan yang sedia ada. Pembelajaran berdasarkan teori ini akan menggalakkan penemuan dan pelajar dapat memilih strategi pengajaran dengan mengikut gaya pembelajaran. Dapatan ini mengukuhkan lagi kenyataan Hamzah (2007) yang menyatakan pelajar dapat mengemukakan pandangan mereka terhadap sesuatu konsep, bekongsi idea dan persepsi antara satu sama lain (Mohd Nasir

& Nik Mohd Rahimi, 2019). Perkara ini jelas menunjukkan pendekatan melalui teori konstruktivisme merupakan satu proses yang aktif di mana pelajar membina kefahaman berdasarkan pengalaman sedia ada dan pengetahuan yang baru.

Teori Perkembangan Bahasa

Perkembangan ilmu linguistik yang mulanya berorientasi aliran behaviorisme kemudian beralih kepada aliran mentalisme pada tahun 1957 dengan terbitnya buku Noam Chomsky yang berjudul *Syntactic Structures* (Khazriyati, 2018). Menurut Chomsky setiap individu telah diprogramkan secara genetik untuk belajar bahasa. Maksudnya, setiap kanak-kanak dilahirkan dengan mempunyai alat penguasaan bahasa LAD (*Language Aquisition Device*) iaitu satu mekanisme yang membolehkan kanak-kanak mengenalpasti ciri-ciri dan peraturan dalam menggunakan bahasa mengikut persekitaran mereka (Chomsky 1965). Pandangan Chomsky ini di sokong oleh Lightfoot (1982) berdasarkan tiga perkara utama yang mendasari andaian pemerolehan bahasa:

- i. Kanak-kanak tidak diperdengarkan dengan ujaran yang gramatis atau ayat yang sempurna tetapi mereka tahu menggunakan ujaran yang sepatutnya.
- ii. Kanak-kanak dapat membina dan memahami ayat-ayat yang tidak pernah mereka dengar sebelum itu, oleh itu bagaimanakah mereka memperolehi kebolehan tersebut?
- iii. Orang dewasa tidak memberikan contoh ayat yang salah kepada kanak-kanak, namun mereka masih menghasilkan ayat yang salah semasa proses pembelajaran bahasa.

Teori perkembangan bahasa menjadi rujukan pengkaji bahasa kerana proses pemerolehan bahasa yang berperingkat seperti yang dinyatakan Chomsky, selari dengan perkembangan kanak-kanak. Bermula dengan peringkat bayi, bayi mengeluarkan bunyi-bunyian untuk menarik perhatian orang disekelilingnya dan apabila bayi berusia 10- 15 bulan mereka sudah boleh menyebut perkataan mudah. Seterusnya apabila bayi berumur 18-24 bulan, bayi sudah boleh menggunakan dua perkataan yang disertai dengan isyarat badan dan intonasi suara (Bertaria 2015; Yahya 2020). Secara fitrahnya, kanak-kanak di serata dunia memperoleh bahasa mereka secara semulajadi tanpa latihan, sebagaimana kanak-kanak normal memperoleh kebolehan berjalan (Khazriyati, 2018).

KEPENTINGAN ILMU PSIKOLINGUISTIK DALAM PEMBELAJARAN BAHASA ARAB

Penggubal Kurikulum

Terdapat banyak kajian strategi pembelajaran bahasa mengaplikasikan teori psikolinguistik dalam menghuraikan kerangka teori yang mendasari kajian tersebut. Hal ini jelas menunjukkan bahawa strategi pembelajaran bahasa yang menggunakan teori psikolinguistik sebagai asas untuk membina modul pembelajaran bahasa Arab. Secara umumnya pembina modul ini adalah terdiri daripada penggubal kurikulum pendidikan yang bertanggungjawab untuk merancang silibus pendidikan. Oleh itu, pengetahuan mengenai teori psikolinguistik amat penting kepada

penggubal kurikulum untuk memastikan setiap kurikulum bahasa Arab yang dirancang sesuai dan relevan dilaksanakan di semua peringkat institusi pendidikan yang berbeza geografi dan demografi.

Guru

Guru yang mempunyai pengetahuan mengenai ilmu psikolinguistik akan menjadi guru yang kompeten dalam menjalankan dan melaksanakan tanggungjawabnya sebagai guru bahasa Arab. Sebagai seorang yang profesional, guru mampu merancang, melaksana, menilai dan mengembangkan sistem pembelajaran secara sistematik. Guru hendaklah menjadikan ilmu psikolinguistik sebagai asas untuk merancang pembelajaran dengan menggabungkan strategi pembelajaran yang sesuai untuk mencapai pembelajaran yang berkesan (Yusuf, 2019). Guru perlu mengkaji masalah pelajar dan mencari penyelesaian terhadap masalah pembelajaran bahasa yang dihadapi oleh pelajarnya. Pemilihan strategi pembelajaran berdasarkan teori psikolinguistik dapat membantu guru mengenal pasti kelemahan pelajar dan membantu pelajar mencapai kemahiran berbahasa secara optimum. Dengan memahami psikolinguistik akan memudahkan guru untuk menggalakkan pelajar bertutur bahasa Arab (Rogayah & Harun, 2017). Justeru, seorang pendidik khususnya guru bahasa Arab hendaklah memahami kepentingan ilmu psikolinguistik, kerana ia dapat membantu untuk merancang strategi pembelajaran, motivasi pelajar dan pembelajaran yang berkesan (Siti, Harun & Maimun, 2018).

Pelajar

Menurut Kamarul (2009) dalam kajiannya mencadangkan agar para pelajar didedahkan dengan proses dan strategi pembelajaran kerana dengan pendedahan ini dapat membantu pelajar mengetahui gaya pembelajaran, strategi pembelajaran bahasa dan dapat menguasai pembelajaran bahasa terutamanya bahasa Arab. Proses pembelajaran yang berpusatkan murid dapat membantu pelajar berinteraksi dengan guru dan rakan sebaya untuk sebagai latihan berkomunikasi melalui kaedah kolaboratif dan kooperatif (Yusof, 2019). Malah dapat menambah keyakinan pelajar untuk bertutur dengan bahasa Arab. Teori psikolinguistik dapat membantu pelajar untuk menguasai empat kemahiran utama berbahasa iaitu, mendengar, bertutur, membaca dan menulis dengan lebih baik (Zulhannan, 2017).

KESIMPULAN

Kesimpulannya teori psikolinguistik yang terdiri daripada teori behaviorisme, teori kognitif, teori konstruktivisme dan teori perkembangan bahasa dapat dijadikan sebagai asas untuk membangunkan modul pembelajaran bahasa Arab. Teori ini memainkan peranan penting dalam menentukan isi kandungan kurikulum yang dirancang supaya dapat disesuaikan dengan aras pemikiran pelajar yang mempunyai latar belakang yang berbeza. Pemilihan strategi pembelajaran tertentu dapat membantu pelajar untuk mencapai kemahiran berbahasa dengan lebih efektif. Selain itu, dengan mengetahui proses pemikiran pelajar, guru dapat mengaplikasikan teori psikolinguistik yang sesuai untuk mengurangkan persepsi pelajar terhadap matapelajaran bahasa Arab sebagai matapelajaran yang sukar. Guru bahasa Arab dan penggubal

kurikulum bahasa Arab bukan sahaja perlu mempunyai ilmu pengetahuan mengenai bahasa Arab tetapi hendaklah mengetahui cara mengajarnya. Oleh yang demikian, pengkaji berharap penulisan kertas konsep ini dapat bermanfaat kepada penggubal kurikulum, guru dan pelajar agar dapat dijadikan panduan dalam pemilihan strategi pembelajaran bahasa Arab di semua peringkat pendidikan

RUJUKAN

- Akhiruddin. 2019. Ahammiyat 'ilm al-Lughah al-Nafsi. *Jurnal Pendidikan dan Bahasa Arab* 3(2):121-128.
- Anuar Sopian. 2017. Kecenderungan Pelajar Terhadap Pembelajaran bahasa Arab di UiTM Alor Gajah, Melaka. Dlm. Mohd Shahrizal Nasir, Muhammad sabri Sahrir, Zulazhan Ab.Halim, Mohd Firdaus Yahaya & Nurazan Mohmad Rouyan (pnyt.). *Penataran Pendidikan Bahasa Arab di Peringkat Pengajian Tinggi*. Kuala Nerus: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Bertaria Sohnata Hutaarak. 2015. Children First Language Acquisition at age 1-3 years old in Balata. *IOSR Journal Of Humanities And Social Science (IOSR-JHSS)* 20(8): 51-57.
- Bringmann, U. 1990. The Foundation of Institute for Experimental Psychology at Leipzig University. *Psychological Research* 42: 13-20.
- Chomsky, N. 1965. *Aspects of the theory of Syntax*. Cambridge: MIT press.
- Dardjowidjojo, Soenjono. 2007. *Psikolinguistik: Memahami Asas Pemerolehan Bahasa*. Selangor: PTS Profesional.
- Dardjowidjojo, Soenjono. 2104. *Psikolinguistik "Pengantar Pemahaman Bahasa Manusia*. Jakarta: Yayasan Pustaka Obor.
- Habib Maulana Maslahul Adi. 2020. Teori Belajar Behaviorisme Albert Bandura dan Implikasinya dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Ilmu Bahasa Arab dan Pembelajarannya* 10(1): 22-31.
- Kamarul Shukri Mat Teh. 2009. Penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khazriyati, S. 2018. *PSIKOLINGUISTIK: Penerokaan Minda Berlandaskan Bahasa*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Nasir Mod Nor & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, 2019. *Pembelajaran Bahasa Arab di Luar Bilik Darjah Modul Muhkayyam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Mahmudi, 2016. Penerapan Teori Behavioristik dalam pembelajaran Bahasa Arab Kajian Terhadap Pemikiran BF.Skinner. *Prosiding Konferensi Nasional Bahasa Arab II*, hlm. 429-435.
- Muhammad Rusydi. 2013. Pendidikan Karakter Pada Psikolinguistik Bahasa Arab. *Jurnal Al-Ulum* 13(1): 73-86.
- Piaget, Jean. 1954. *The Construction of Reality in the Child*. New York: Ballantine Books.
- Rogayah Mohd Zain dan Harun Baharudin. 2017. Pengaruh Psikolinguistik Terhadap Suprasegmental Dalam Pertuturan Bahasa Arab.
- Siti Alawiah Sahri, Harun Baharudin & Maimun Aqsha Lubis. 2018. Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab (SPBA) dalam kalangan pelajar di Malaysia. *The 11th International Workshop and Conference of Asean Studies in Linguistics, Islamic and Arabic Education, Social Science and Educational Technology*, hlm. 532-539.
- Warren, P. 2014. *Introducing Psycholinguistics*. Cambridge: Cambridge University Press.

- Yahya. 2020. Perkembangan Bahasa Anak Menurut Noam Chomsky dan Eric Lenneberg. Tesis Sarjana. Fakultas Tarbiyah dan Ilmu Keguruan Jurusan Tarbiyah, Institut Agama Islam Negeri Palangka Raya.
- Yusuf, M. 2019. Psikolinguistik Dalam Metodologi Pembelajaran Bahasa Arab di era Postmetode. *Jurnal Al Mi'yar* 2(2): 183-202.
- Zulhannan, 2017. Bahasa Arab dan Psikolinguistik: Kajian Konseptual dan Historis. *Jurnal: Al-Bayan* 9(2): 249-262.